# SKEMA KERTAS 1

CADANGAN RANGKA JAWAPAN

BAHAGIAN A : **Patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia**

**Kehendak soalan**

1. Calon hendaklah menghuraikan patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia
2. Calon hendaklah mengemukakan contoh dan huraian yang bersesuaian.

Pendahuluan

- patriotisme bermaksud semangat cinta dan sayang akan negara
- contoh - **perasaan bangga menjadi anak Malaysia, mengibarkan Jalur Gemilang dan bangga kereta nasional meluncur di jalan raya [Bahan 1]**
- apakah usaha-usaha menyemai patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia?

Isi 1: masyarakat - **mengenang jasa perajurit dan pejuang kemerdekaan [Bahan 1]**

- sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara
- menghargai pengorbanan mereka dengan memelihara kedaulatan negara
- biar putih tulang, jangan putih mata

Isi 2: rakyat - menjadikan **prinsip Rukun Negara sebagai teras patriotisme [Bahan 2]**

- lima prinsip Rukun Negara ialah tunjang dan kekuatan negara
- rmenghayati, mengamalkan dan berpegang teguh dengan prinsip tersebut
- kesan - modal insan yang cinta akan negara akan dapat dilahirkan

Isi 3: kerajaan - mengadakan kempen meyemarakkan semangat patriotik

- penting bagi memupuk perpaduan dan kekuatan rakyat - mendepani pelbagai cabaran, contohnya pandemik COVID-19
- **semangat kebersamaan diterjemahkan melalui penyertaan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di seluruh negara [Bahan 3]**
- kesan - mencerminkan keharmonian dan kemakmuran negara

Kesimpulan

- patriotisme sangat penting bagi memastikan kestabilan dan kemajuan negara
- semua pihak - bekerjasama menyokong pemupukan semangat patriotik dalam kalangan rakyat
- *bagai aur dengan tebing*

# SKEMA KERTAS 2

1/1

PERATURAN PERMARKAHAN

BAHASA MELAYU(Kertas 2)

Markah penuh 100 markah

BAHAGIAN A:SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

| | |
|---|---|
| Soalan 1: | 8 markah |
| Soalan 2: | 6 markah |
| Soalan 3: | 11 markah |
| Soalan 4: | 6 markah |
| Soalan 5: | 4 markah |

PANDUAN PENSKORAN

Perhatian bagi Soalanl :Morfologi[6 markah]

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang disenaraikan dengan betul.

2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata nama terbitan, semak setakat 4 kata nama terbitan yang pertama sahaja.

3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata nama terbitan yang betul.

4. Jika calon membina lebih daripada 3 ayat, semak setakat 3 ayat yang pertama sahaja.

5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.

7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.

8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.

9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.

10. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak /2 markah bagi setiap ayat.

11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.

Jawapan Soalan 1

Kata terbitan:

(i)sayuran

1.bermacam-macam jenis sayur

2. tumbuhan atau daun-daunan yang boleh dimakan

3.masakan daripada sayur

(ii)makanan

1. apa-apa sahaja yang boleh dimakan

**(iii) tanaman**

1.tumbuhan yang ditanam

2. sesuatu yang tertanam

**(iv) kajian**

1. kegiatan mengkaji
2. pengajian

**(v) tumbuhan**

1. sesuatu yang tumbuh

**(vi) rawatan**

1. hasil merawat
2. penjagaan yang intensif dan berterusan

| | | |
|---|---|---|
| **Senarai kata terbitan** | **:** | **4 markah** |
| **Ayat** | **:** | **4 markah** |

**Perhatian bagi Soalan 2 : Sintaksis**

1. Berikan 2 markah bagi setiap ayat songsang yang betul.
2. Pendepanan predikat atau pendepanan keterangan predikat diterima.
3. Jika susunan ayat dikekalkan beri 0 markah.
4. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

**Jawapan Soalan 2**

1. Telah menjadi sumber tarikan pelancong dalam dan luar negara aneka kuih tradisional.

2. Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut di hotel ternama kek ini.
   Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut kek ini di hotel ternama.

3. Mencontohi masyarakat Jepun yang sentiasa berbangga dengan sajian makanan warisa sewajarnya kita.

**[6 marka**

(ii)makanan

1. apa-apa sahaja yang boleh dimakan

**(iii) tanaman**

1.tumbuhan yang ditanam
2. sesuatu yang tertanam

**(iv) kajian**

1. kegiatan mengkaji
2. pengajian

**(v) tumbuhan**

1. sesuatu yang tumbuh

**(vi) rawatan**

1. hasil merawat
2. penjagaan yang intensif dan berterusan

| | | |
|---|---|---|
| **Senarai kata terbitan** | **:** | **4 markah** |
| **Ayat** | **:** | **4 markah** |

**Perhatian bagi Soalan 2 : Sintaksis**

1. Berikan 2 markah bagi setiap ayat songsang yang betul.
2. Pendepanan predikat atau pendepanan keterangan predikat diterima.
3. Jika susunan ayat dikekalkan beri 0 markah.
4. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

**Jawapan Soalan 2**

1. Telah menjadi sumber tarikan pelancong dalam dan luar negara aneka kuih tradisional.

2. Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut di hotel ternama kek ini.
   Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut kek ini di hotel ternama.

3. Mencontohi masyarakat Jepun yang sentiasa berbangga dengan sajian makanan warisa
   sewajarnya kita.

[6 marka



**Perhatian bagi Soalan 3 : Penyuntingn**

(i) Periksa jawapan calon setakat enam kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 1 dan lima kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 2.

(ii) Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.

(iii) Berikan 0 markah jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.

(iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

**Jawapan Soalan 2**

1. Telah menjadi sumber tarikan pelancong dalam dan luar negara aneka kuih tradisional.

2. Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut di hotel ternama kek ini.
   Sering dihidangkan sebagai pencuci mulut kek ini di hotel ternama.

3. Mencontohi masyarakat Jepun yang sentiasa berbangga dengan sajian makanan warisa
   sewajarnya kita.

[6 marka



**Perhatian bagi Soalan 3 : Penyuntingn**

(i) Periksa jawapan calon setakat enam kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 1 dan lima kesalahan pertama yang disenaraikan bagi petikan 2.

(ii) Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.

(iii) Berikan 0 markah jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.

(iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

**Jawapan Soalan 3**

**Petikan 1**

i. ulangtahun – ulang tahun (ejaan)

ii. mentaksirkan – mentafsirkan (istilah)

iii. tuntutan – menuntut (imbuhan)

iv. diselang selikan – diselang-selikan

v. pelbagai program-program - pelbagai program/ program-program (kata ganda)

vi. dimekarkan- disuburkan (istilah)

vii. pengekalan- mengekalkan (imbuhan)

[6 markah]

**Petikan 2**

i. di atas – atas (bahasa)

ii. pada– kepada (kata sendi)

iii. pelantar – peranti (istilah)

iv. menyaing – bersaing (imbuhan)

v. terbilang – berbilang (imbuhan)

vi. atlit – atlet (ejaan)

| Bil | Markah | Kriteria |
|---|---|---|
| 1 | **Cemerlang** ( 5-6 ) | 1.Struktur ayat mengikut petikan<br>2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan<br>3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan<br>4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan<br>5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis |
| 2 | **Baik** ( 3-4 ) | 1.Struktur ayat masih mengikut petikan<br>2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan<br>3.Masih mengekalkan laras bahasa istana<br>4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan<br>5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis |
| 3 | **Lemah** (1- 2 ) | 1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan<br>2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan<br>3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan<br>4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan<br>5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis |

**Cadangan jawapan Soalan 4**

Pada ketika itu Tuan Sidi Arab bertemu Sultan Muzaffar Syah. Setelah Tuan Sid Arab mendengar berita Cau Pandan akan menyerang Melaka, lalu beliau berdiri di hadapa baginda. Panahnya dihalakan ke benua Siam. Tuan Sidi Arab berkata, sambil menari panahnya, "Matilah engkau, Cau Pandan".

Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum, lalu baginda bertitah kepada Tuan Sidi Ara "Jika Cau Pandan benar-benar mati, tuan sungguh keramat."

**Perhatian bagi Soalan 5: Peribahasa**

1. Berikan 2 markah untuk setiap peribahasa yang tepat
2. Berikan 1 markah untuk penambahan simile dalam peribahasa.
3. Berikan 0 markah untuk peribahasa yang salah
4. Periksa atau tanda 3 peribahasa yang pertama sahaja

**Jawapan Soalan 5**

1. Buah hati
   Emas tempawan / Intan baiduri / Jantung hati / Anak emas

2. Mencari jalan.
   Memerah keringat

3. Seperti kacang lupakan kulit.
   Seperti ulat lupakan daun.

**Soalan 6 : Petikan Umum** Markah

Cadangan Jawapan :

(i) Maksud *amalan terbaik*

- perbuatan /perlakuan paling bagus 2
- perbuatan /perlakuan *terbaik* 1
- *amalan* paling bagus 1

**[ Maksimum : 2 markah ]**

(ii) Cara-cara yang perlu dilakukan oleh seseorang penjawat awam untuk mewujudkan, persekitaran dan budaya berintegriti.

P1 (B1) Mengisytiharkan harta diperoleh sebelum dilantik 1
P1 (B1) Mengisytiharkan harta ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam. 1
P3 (B2) Mempunyai sikap menunakan amanah 1
P4 (B2) Komitmen dengan tugas 1

**[ Maksimum : 3 markah ]**

**[ Isi cukup : 2 isi(satu isi daripada setiap bahan)]**

(iii) Peranan sekolah melahirkan pemimpin pelajar yang berkualiti

P1 Guru bimbingan dan Kaunseling menganjurkan kursus/ latihan kepimpinan 1
P2 Kelab dan persatuan/ Unit beruniform memberi peluang murid mengendalikan program 1
P3 Guru melatih murid melaksanakan aktiviti kokurikulum/ perkhemahan/ kawad kaki 1
P4 Guru mata pelajaran menerapkan nilai kepimpinan dalam pengajaran dan pembelajaran 1
P5 Guru melantik murid memegang jawatan organisasi dalam kurikulum/ kokurikulum 1

[ Maksimum : 3 markah ]
[ Isi cukup : 2 isi ]

(iv) Tindakan anda membantu rakan menepati masa

P1 berbincang masalah 1
P2 memberikan nasihat/teguran 1
P3 memberikan hadiah jam/ mengejutnya pada setiap pagi 1
P4 menyuruhnya/ mengajak berjumpa ketua jabatan 1
P5 memberitahu akibat/kesan sikap buruk tersebut 1
P6 berjumpa dengan ahli keluarga 1
P7 mengajak tinggal bersama

[ Maksimum : 4 markah ]
[ Isi cukup : 3 isi ]



**Soalan 7 : Petikan Sastera** **Mar**

(i) Rangkai kata *cermin maruah* bermaksud
- gambaran / bayangan kehormatan / harga diri
- gambaran / bayangan *maruah*
  *cermin* kehormatan / harga diri

(ii) Pesanan yang disampaikan tentang ilmu
P1 (B1) penulis menyuruh gadis kecil menikmati angin dan udara ilmu itu
P2 (B1) ilmu yang banyak ibarat cahaya
P3 (B2) hina manusia tidak berilmu
P4 (B3) secubit ilmu tidak mampu mengekang ledakan perubahan sosial

**[ Maksimum : 4 marl**
**[ Isi cukup : 3 isi (1 isi bagi setiap bah**

(iii) Langkah-langkah yang diambil oleh mahasiswa

P1 mendalami ilmu agama/moral elak terlibat dalam anasir tidak baik/ masalah sosial
P2 bijak menguruskan masa untuk berjaya/guna masa sepenuhnya
P3 bijak memilih rakan
P4 merujuk kaunselor cara menghadapi cabaran di universiti
P5 tidak malu bertanya kepada pensyarah/rakan sekiranya ada masalah
P6 bijak/berani dalam membuat keputusan/tindakan mencari jalan untuk berjaya

**[Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]**

**[ Maksimum : 4 mark**
**[ Isi cukup : 3**

P1 mengenal pasti masalah sebenar rakan tersebut
P2 mengajaknya berbincang cara/teknik mengggunakan bahan bacaan yang ada
P3 berbincang/ meminta bantuan dengan kakak/abangnya/ memberi tunjuk ajar
P4 meminta ibu babanya memberi sokongan/dorongan/mendoakan
P5 meminta pandangan daripada rakan-rakan yang lain cara terbaik untuk membantu
P6 menunjuk cara kepadanya mencari bahan/sumber dalam Internet

**[tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]**

**[ Maksimum : 4 marl**

**Perhatian bagi soalan 8 [novel]**

**Panduan penskoran**

8. (i) Jawapan berdasarkan petikan novel.

| | | Markah |
|---|---|---|
| (i) | Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| (ii) | Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis. | 3 |
| (iii) | Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis. | 2 |
| (iv) | Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| (v) | Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

**[ Maksimum : 4 markah ]**

**[ Isi cukup : 3 isi ]**

8.(ii) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel.

(i) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.
(ii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
(iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang tidak jelas
(iv) Markah isi maksimum 4 markah ( berdasarkan 2 isi yang lengkap/jelas ).
(v) Markah bahasa maksimum 2 markah
(vi) Markah bahasa diberi secara *impression.*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.
(viii) Calon tidak menjawab 0 markah

**[ Maksimum: 6 Markah ]**

**Jawapan Soalan 8**

Soalan ( i ) :

**Persiapan-persiapan untuk menyambut kedatangan tetamu khas ke balai raya.**

| | |
|---|---|
| P1 Haiqal turut membantu kerja-kerja mengemas balai raya | 1 |
| P2 Haiqal ikut serta menyusun kerusi-kerusi plastik | |
| P3 Haiqal menyiapkan meja jamuan untuk tetamu khas di balai raya | 1 |
| P4 See Hwa sama-sama mengemas bahagian dalam balai raya | 1 |
| P5 Ambal di dalam balai raya disapu dan divakum | 1 |
| P6 Di belakang balai raya, penduduk kampung bergotong-royong memasak makanan | 1 |

**[ Maksimum : 4 markah ]**
**[ Isi cukup : 3 isi ]**



Soalan( ii ) Peristiwa yang membanggakan anda sebagai pembaca.

**Novel di Sebalik Dinara**

1) Peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini membanggakan saya kerana walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut.

2) Peristiwa ketika Karl memindahkan hampir 20 tahun hidupnya ke dalam ingatan Shida. Aqram, Dr Maxi dan Khairul tidak sampai hati melihat Shida diperlakukan begitu. Mereka bertiga merancang untuk gagalkan rancangan Dr Karl dan memulihkan ingatan Shida. Tindakan Aqram, Dr Maxi dan Khairul dapat dibanggakan kerana mereka masih mempunyai sifat kemanusiaan dan berani tidak menurut arahan Karl.

3) Peristiwa apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Soft lab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Saya berbangga kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang.

4) Peristiwa Farisha dan Rosman telah berusaha mendapatkan kontrak dalam bidang komputer untuk syarikat mereka iaitu Secured Shell Sdn.Bhd. Farisha meminta Rosman memberikan tumpuan sepenuhnya projek di Senawang sementara Faisha meyakinkan Rosman bahawa dia boleh menguruskan sendiri projek Soft Lab. Mereka sanggup menanggung risiko dalam projek tersebut demi memajukan syarikat yang baru dibina bersama-sama.

5) Pada hari Isnin berikutnya, Farisha bersetuju berjumpa dengan Aqram di Soft Lab, Cyberjaya. Bangunan Soft Lab dilengkapi dengan sistem keselamatan yang canggih termasuklah penggunaan imbasan tangan dan retina mata. Aqram juga menunjukkan bilik dan ruang di situ canggih dan lengkap. Di sinilah Farisha mendapat kepastian bahawa tugasnya ialah menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Kecanggihan dan kemodenan sains dan teknologi pada masa kini membanggakan saya.

**Novel Silir Daksina**

1) Peristiwa apabila Ratna gagal mendapat keputusan SPM yang cemerlang , dia membantu emaknya menguruskan gerai dengan dibantu oleh abang dan adiknya. Ratna bercita-cita untuk membuka restorans sendiri dan menjadi seorang usahawan berjaya. Dia tidak menoleh ke belakang dan akhirnya dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya mengurus gerai itu.

2) Peristiwa Haiqal melabuhkan punggungnya di sofa dan melihat beberapa keping sijil yang telah dibingkaikan dan digantung pada dinding, kepunyaan ayahnya Abdulah bin Kayan. Haiqal melihat gambar seorang lelaki yang berbaju Melayu lengkap, kelihatan sedikit bongkok sambil tersenyum menerima segulung sijil daripada salah seorang sasterawan tersohor tanah air di atas sebuah pentas dan dia pasti itu ialah gambar ayahnya.

(3) Peristiwa pendirian Haiqal untuk pergi ke kampung ayahnya mendapat tentangan keras daripada uminya dan uminya menyatakan kepada Haiqal bahawa dia tidak akan memberinya wang saku walau satu sen pun ke sana. Namun Haiqal tetap dengan pendiriannya dan mengambil keputusan untuk pergi ke kampung halaman ayahnya seorang diri.

(4) Peristiwa kesungguhan Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk belajar mengawal pernafasan selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Cikgu Zam mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul sehingga pukul 6.30 petang setiap hari. Akhirnya Ai Ling memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat sekolah untuk murid-murid tahap satu kerana dapat menyampaikan sajak dengan baik dan persembahannya memukau murid-murid lain yang menyaksikannya.

(5) Peristiwa pengorbanan Abdullah Bin Kayan yang sanggup berpisah dengan isteri dan anaknya kerana kecintaannya terhadap sastera dan warisan budaya iaitu tarian zapin yang ada di kampungnya iaitu Sri Purnama Batu Pahat, Johor. Semasa di Batu Pahat. Abdullah Bin Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin. Beliau telah menghidupkan semula kumpulan zapin jincat D'Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusateraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama

1 / 14 70 %

**[mana-mana peristiwa yang membanggakan pembaca – diterima]**

## Soalan 9: Rumusan

**Pendahuluan (2 markah)** — Markah

| | | Markah |
|---|---|---|
| P1 | Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha mengamalkan diet seimbang **[F1]** dan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan/pengamalan diet kepada seseorang individu/ masyarakat **[F2]** | 2 |
| P2 | Rumusan/petikan membincangkan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan **[F2]** dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha **[F1]**mengamalkan diet kepada seseorang individu/ masyarakat | 2 |
| P2 | Petikan membincangkan langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha mengamalkan diet seimbang kepada seseorang individu /dalam kalangan masyarakat**[F1]**) | 1 |
| P3 | Rumusan/petikan membincangkan kepentingan/faedah/ kebaikan/ manfaat/ kelebihan/pengamalan diet kepada seseorang individu **[F2]** | 1 |
| P4 | Rumusan/petikan membincangkan pengambilan diet | 0 |

**Isi Tersurat (16 markah)**

**Fokus 1: langkah-langkah /cara-cara/ usaha-usaha/amalan mengamalkan diet seimbang**

**Bahan 1:**

| | | |
|---|---|---|
| L1 | mengikuti diet yang disarankan oleh pengamal perubatan | 2 |
| L2 | mengelakkan diri daripada mengamalkan diet yang berbahaya kepada kesihatan | 2 |
| L3 | merancang pemakanan secara berjadual dan teratur | 2 |
| L4 | melakukan pelbagai aktiviti fizikal setiap hari | 2 |

**Bahan 2:**

| | | |
|---|---|---|
| L5 | mengmbil lebih banyak sayur-sayuran dan buah-buahan | 2 |
| L6 | Sentiasa berfikiran positif | 2 |
| L7 | Tidur yang berkualiti | 2 |

L8 Elakkan tekanan 2
L9 Minum banyak air 2

**Fokus 2 : kelebihan / faedah/ kebaikan/ manfaat / kepentingan /pengamalan diet kepada seseorang individu**

**Bahan 1:**

| | | |
|---|---|---|
| K1 | tubuh badan akan berada dalam keadaan sihat dan bebas dari sebarang penyakit berbahaya | 2 |
| K2 | membantu seseorang itu mengekalkan bentuk badan yang ideal | 2 |
| K3 | memberikan kecantikan yang diimpikan | 2 |
| K4 | merangsang otak untuk menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan kerja seharian | 2 |



**Kesimpulan (2 markah)**

| | | |
|---|---|---|
| KS1 | Kesimpulannya, setiap/seseorang individu perlu mengamalkan diet yang seimbang/betul agar kesihatan diri terjamin/terjaga | 2 |
| KS2 | Kesimpulannya, amalam diet yang seimbang perlu diamalkan oleh seseorang agar kesihatan terjamin | 2 |
| KS3 | Kesimpulannya, amalan diet yang seimbang penting kepada kesihatan | 1 |

PANDUAN PENSKORAN

Perhatian bagi Soalanl :Morfologi[6 markah]

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang disenaraikan dengan betul.

2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata nama terbitan, semak setakat 4 kata nama terbitan yang pertama sahaja.

3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata nama terbitan yang betul.

4. Jika calon membina lebih daripada 3 ayat, semak setakat 3 ayat yang pertama sahaja.

5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.

7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.

8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.

9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.

10. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak /2 markah bagi setiap ayat.

11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.

12. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi penggunaan tanda bacanya.

Jawapan Soalan 1

Kata terbitan:

(i)sayuran

1.bermacam-macam jenis sayur

2. tumbuhan atau daun-daunan yang boleh dimakan

3.masakan daripada sayur